

# **SYEKH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS:**

## **Kajian Terhadap Dakwahnya Di Medan**

### **Sumatera Utara Indonesia**

**Sopian Ilyas**

**Roslan Mohamed**

#### **Abstrak**

Salah seorang yang berjasa dalam menyebarluaskan dakwah Islam di Tanah Batak, khususnya Toba dan Karo, Provinsi Sumatera Utara Medan Indonesia ialah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (1908-1972 M). Beliau termasuk orang pertama dalam organisasi Islam al-Jam'iyyatul Washliyah yang gigih berdakwah untuk menyebarluaskan agama Islam di Sumatera Utara, Aceh dan Indonesia secara umum. Beliau banyak menulis pelbagai kajian agama Islam, termasuk kajian perbandingan agama yang masyhur dalam kitab karangan beliau "Perbandingan agama Kristian dan Islam", begitu juga karangan beliau yang bertajuk "Rahsia Bible", yang berhubung kait dengan Ilmu Muqaranatul Adyan.

Karya-karya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis serta jasa-jasa beliau dalam menyebarluaskan Islam hingga sekarang ini masih dikenang di kalangan masyarakat Sumatera Utara khususnya suku Batak, yang mana Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berhasil menarik lebih daripada 20.000 orang memeluk agama Islam. Jasa beliau ini menjadi sebab tersebarnya agama Islam di kalangan suku Batak yang majoriti penduduknya animisme serta beragama Kristian.

**Kata Kunci:** Syekh M.Arsyad Thalib Lubis, Dakwah, Sumut

#### **Pendahuluan**

Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis lahir pada bulan Ramadan 1326H bersamaan Oktober 1908M<sup>1</sup> di Stabat Kabupaten Langkat, Sumatera Utara, iaitu 40 km ke arah utara dari Bandaraya Medan. Beliau merupakan putera kelima dari lapan bersaudara daripada pasangan Lebai Thalib bin Haji Ibrahim Lubis dan Markoyom binti Abdullah Nasution. Ayahnya berasal dari kampung Pastap, Kotanopan, Tapanuli Selatan, kemudian menetap di Stabat sebagai petani yang alim sehingga mendapat panggilan "Lebai".<sup>2</sup> Gelaran 'Lebai' yang disandang oleh ayahnya (Lebai Thalib Lubis) menunjukkan bahawa beliau adalah seorang ulama di kampungnya. Ini membuktikan bahawa Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis seorang anak yang dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai asas agama Islam yang kukuh.<sup>3</sup>

Syekh Hj. M. Arsyad Thalib Lubis menjalani seluruh pendidikannya di Sumatera Utara. Beliau pernah belajar di sekolah yang beraliran akademik dan sekolah yang beraliran agama. Beliau tamat sekolah rendah umum *Volgschool* di Stabat (Provinsi Sumatera Utara). Dan pada tahun 1917-1920 M, beliau belajar mengaji Al-Quran di madrasah Islam Stabat yang dipimpin oleh H. Zainuddin Bilah, seterusnya beliau menyambung pengajian di madrasah Islam Bandar Sinemba Binjai (Provinsi Sumatera Utara) tahun 1921-1922M. Kemudian pada tahun 1923-1924 M, beliau belajar di madrasah ‘Ulūmul ‘Arabiyyah di Tanjung Balai Asahan (Provinsi Sumatera Utara) yang dipimpin oleh Abdul Hamid Mahmud. Dan pada tahun 1925-1930 M, beliau belajar di madrasah *Al-Hasaniah* di Medan, berguru dan mendapatkan syahadah (sijil) daripada Syekh Hasan Maksum.<sup>4</sup>

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah seorang ulama, mubaligh dan pejuang agama di Sumatera Utara, beliau juga aktif mengajar di beberapa *Madrasah al-Jam’iyatul Washliyah*<sup>5</sup> baik di Aceh<sup>6</sup> maupun yang berada di Medan dari tahun 1926 M-1957 M. Kemudian beliau menjadi Canselor Sekolah Persiapan Perguruan Tinggi Islam Indonesia di Medan (1953-1954 M ), menjadi Guru Besar ilmu fikah dan usul fikah di Universiti Islam Sumatera Utara (1954-1957 M) dan pensyarah tetap di Universiti *al-Washliyah* sejak tertubuhnya universiti tersebut (1958 M) sampai akhir hayat beliau.

Dalam kegiatan dakwah, aktiviti dakwah beliau tidak terhad kepada satu golongan sahaja, akan tetapi meliputi keseluruhan masyarakat, bermula dari kaum Muslimin sampai masyarakat bukan Islam, ‘umara dan rakyat jelata. Antara gerakan dakwah yang menjadi fokus penting bagi beliau ialah membendung kemasukan misi Kristian ke Sumatera Utara. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga aktif dalam Zending Islam (*Mubaligh Islam*). Puluhan ribu orang dari Tanah Batak dan Karo masuk Islam di bawah bimbingan beliau. Bahkan, menjelang akhir hayatnya, beliau telah mengislamkan tidak kurang dari dua ratus orang di Kabupaten Deli Serdang.<sup>7</sup> Begitu juga beliau kerap kali mengadakan debat atau dialog antara agama dengan tokoh-tokoh agama Kristian, yang bertujuan untuk menyatakan kebenaran.

Berdasarkan keilmuan beliau yang mendalam, Muhammad Arsyad Thalib Lubis mendapat penghargaan gelaran ”Syeikh”, kerana beliau sangat alim dalam

pelbagai bidang ilmu Islam, seperti Tauhid (Akidah), Fikah, Ushul Fikah, Hadis, Sejarah dan Kristologi (perbandingan agama). Namun keahliannya dalam bidang Kristologi lebih menjadikan namanya masyhur sebagai seorang Kristolog besar dan berkarisma dari Sumatera Utara.

Setelah sekian lama menjalankan misi dakwah, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menghadap Allah SWT pada hari Khamis, 6 Julai 1972 Masihi bersamaan dengan 23 Jamadil Awal 1392 Hijriah. Beliau meninggal dunia setelah beberapa hari menderita sakit di rumah yang beralamat Jalan Mabar Gang Rezeki Nombor 6, Medan, ketika berumur 63 tahun. Beliau dikebumikan di jalan Mabar.<sup>8</sup> Dalam acara pengebumian beliau dihadiri oleh orang ramai dari kalangan tokoh masyarakat, ulama, pejabat pemerintah dan awam ( pada tarikh 7 Jun 1972 M dilaksanakan solat ghaib di masjid-masjid di Jakarta).<sup>9</sup> Seluruh Institusi Perguruan Tinggi Islam dan masyarakat Sumatera Utara turut berduakacita atas kematian seorang ulama besar, yang terkenal sebagai pendidik, *dai* dan ahli agama. Beribu-ribu masyarakat di Bandar Medan dan sekitarnya yang terdiri daripada murid-murid, sahabat dan kawan-kawan beliau juga datang untuk mengucapkan rasa dukacita sambil mendoakan dan mensolatkan jenazah beliau.

## Pelbagai Usaha Dakwah Beliau

### A. Dalam Bidang Sosial

Dakwah Islamiah yang dilaksanakan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis kepada umat Islam di Sumatera Utara adalah bersifat islah dengan peningkatan mutu keimanan dan peribadatan. Dengan kekuatan iltizam beribadah, maka amat sukar bagi missionary Kristian untuk mempropagandakan agamanya dan menarik umat Islam keluar dari akidah mereka.

Masjid bukan sahaja sebagai rumah ibadah bagi kaum muslimin, ia juga merupakan lembaga pendidikan dan dakwah. Keberadaan masjid sangat memberikan kesan terhadap perjalanan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis. Halaqah-halaqah pengajian beliau ramai dikunjungi oleh peminatnya, baik dari kalangan masyarakat umum mahupun dari kaum yang terpelajar, seperti ustaz-ustaz, guru-guru, mahasiswa dan mahasiswi, dokter dan pegawai pemerintah, dan ada juga yang datang dari luar kota Medan hanya untuk mengikuti khutbah jumaat atau majlis pengajian beliau. Ini karena kealiman dan

kedalaman ilmu pengetahuan beliau, begitu juga cara penyampaian beliau yang tegas dan jelas. Umpamanya dalam membahas isu-isu pemberantasan maksiat, seperti loteri, togel (toto gelap) permainan judi yang berdalih sebagai sumbangan berhadiah, Syeikh Arsyad dengan tegas mengatakan bahwa loteri dan togel hukumnya haram, memberi kemudahannya, membeli dan mengambil keuntungan darinya adalah haram. Begitu juga fatwa beliau terhadap Partai Komunis Indonesia yang menyebarkan ajaran Ateis, Syeikh Arsyad dengan tegas memfatwakan atas keharaman partai tersebut melalui mimbar-mimbar masjid, serta menantang pembawa ajaran tersebut untuk berdebat. Begitu juga dengan jelas beliau menguraikan hukum-hukum yang berkaitan dengan orang yang berfahaman Komunis, seperti hukum perkahwinan, hukum jenazah dan sebagainya, sehingga masyarakat tidak lagi keliru mengenai kesesatan ajaran komunis ini.

Pada 30 November 1967 M Pemerintah Indonesia mengadakan musyawarah mengenai toleransi agama, pemerintah ingin menerapkan peraturan dalam penyebaran agama, sehingga tidak menjadikan umat yang telah beragama sebagai sasaran penyebaran agama lain. Wakil-wakil agama Islam menerima usulan pemerintah, akan tetapi wakil-wakil agama Kristian menolak usulan ini. Mereka terus menjalankan misi propaganda walaupun dengan tersembunyi. Keadaan ini membangkitkan semangat Syeikh Arsyad untuk mensedarkan umat Islam supaya mempertebalkan keimanan mereka, dan tidak terpengaruh dengan ajakan dan rayuan misionaris Kristian. Dengan tegas beliau mengimbau kepada masyarakat Kristian supaya menghargai identiti dan kepercayaan umat Islam.<sup>10</sup>

## B. Dalam Memperjuangkan Kemerdekaan Republik Indoneisa

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis waktu muda di kenal sebagai pejuang kemerdekaan Republik Indonesia menentang penjajahan Belanda dan Jepun sehingga beliau ditangkap oleh penjajah pada tanggal 23 Maret 1949 M dan dipenjarakan sebagai tahanan politik di penjara Suka Mulia Medan.

Pergerakan Syeikh Arsyad terus diperhatikan Belanda dan beliau dianggap sebagai ulama yang berpengaruh di kalangan kaum Muslim dan sangat berpengaruh bagi penjajah. Setelah Indonesia merdeka pada tanggal 17 ogos 1945 M, Syeikh Arsyad mengeluarkan Fatwa wajib bagi setiap Muslim menentang

kedatangan penjajah Belanda yang berkeinginan menjajah Indonesia kembali. Orang-orang Muslim yang wafat dalam perjuangan melawan Belanda disebut dengan Syahid Fisabilillah, mayatnya tidak wajib dimandikan dan dikapangkan, hanya di solatkan saja.

Dalam perjuangan untuk mempertahankan kemerdekaan, beliau mengarang sebuah buku yang berjudul Penuntun Perang Sabil (1946 M), buku tersebut menjadi panduan untuk melawan penjajahan orang kafir. Selain itu Syeikh Arsyad pernah juga bergabung dalam pejuangan Hizbulah untuk wilayah Sumatera Timur, akibat dari kepintaran beliau di Hizbulah, beliau ditangkap oleh polis Sumatera Timur yang masih dikuasai oleh Belanda dan tentera NICA nya.<sup>11</sup>

### C. Dalam Mendirikan Organisasi Islam Al-Jam'iyyatul Washliyah

Dalam kegiatan organisasi, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah salah seorang daripada tiga serangkai ahli penubuhan organisasi *al-Jam'iyyatul Washliyah*.<sup>12</sup> Mereka adalah para pelajar yang menimba ilmu di Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) Medan<sup>13</sup>. Usia mereka ketika itu masih sangat belia. Namun memiliki cara pandang yang jauh ke depan (Bashirah).

Para pelajar MIT ( Madrasah Islamiah Tapanuli) Medan memiliki sebuah perkumpulan kecil yang dinamai dengan *Debating Club* (kelompok diskusi).<sup>14</sup> *Debating Club* dipimpin oleh seorang pelajar yang sangat cerdas iaitu Abdurrahman Syihab. Dalam kelompok ini sering dibincangkan dan berdiskusi permasalahan yang sedang hangat di masyarakat terutama mengenai permasalahan agama. *Debating Club* ini terus aktif melakukan diskusi-diskusi sehingga semakin hari semakin luas yang terlibat dalam diskusi tersebut. Bermula dari diskusi tersebut lahirlah sebuah idea untuk mendirikan perkumpulan yang sangat besar, akhirnya tubuhlah organisasi *al-Washliyah*.<sup>15</sup>

Sejak terbinanya organisasi ini (30 November 1930 M), beliau turut menjadi anggota Pengurus Besar hingga 1956M. Meskipun beliau tidak berada dalam pengurusan, beliau tetap aktif memberikan sumbangan idea dan tenaga dalam kegiatan *al-Washliyah* yang bergerak dalam bidang pendidikan, dakwah dan sosial. Sebagai tokoh *al-Jam'iyyatul Washliyah*, dalam bidang akidah, beliau mengamalkan ajaran *ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*<sup>16</sup> dan dalam fikah beliau mengikuti mazhab Syafii<sup>17</sup>. Namun demikian beliau bersikap terbuka dan hormat

terhadap fahaman mazhab lain.<sup>18</sup> Menurut beliau kebebasan mengemukakan fahaman mazhab dan pendapat perlu mendapat tempat dalam masyarakat kerana ianya sangat penting dalam perkembangan pengetahuan dalam kalangan umat Islam. Kedudukan hukum fikah menurut beliau, pada umumnya berkisar di sekitar masalah *zanni* (tidak jelas dan tegas) yang kekuatannya berdasarkan “kuat sangka belaka”. Tidak “*yakini*” (dengan yakin) kerana dapat digugurkan dengan ijтиhad. Adapun ijтиhad tidak dapat digugurkan dengan *ijtihad* kerana sama kekuatannya.<sup>19</sup>

Pada saat bermulanya penubuhan organisasi *al-Washliyah*, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sentiasa berusaha dalam menjayakan organisasi tersebut, walaupun dalam pengurusan beliau sering wujud perbezaan pendapat. Namun dengan kearifan beliau dalam mengurus organisasi, beliau mampu menyatukan kembali visi dan misi yang telah disepakati oleh jawatan kuasa organisasi *al-Washliyah*.

Beliau serta ahli jawatan kuasa *al-Jam'iyatul Washliyah* juga memberikan sumbangan besar bagi memperkembangkan organisasi tersebut, yang mana dalam masa waktu lima tahun beliau dan kawan-kawan berjaya menuju Zending Islam untuk menyaingi gerakan Kristianisasi yang disebarluaskan oleh para misionaris gereja. Zending pertama yang mereka bangunkan di luar Bandar Medan ialah Zending Islam di tanah Karo yang bermula pada tahun 1937 M, manakala Zending Islam di tanah Batak bermula pada tahun 1938 M dan Zending Islam yang lain-lain. Melalui penubuhan Zending Islam tersebut mereka dapat menyebarkan agama Islam di Sumatera Utara secara khusus dan Indonesia secara umumnya.

Terbukti bahawa pada Pertemuan Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI)<sup>20</sup> ketiga yang diadakan di Solo pada tarikh 5-8 Jun 1939 M telah mengesahkan bahawa *al-Jam'iyatul Washliyah* ialah sebagai pemegang tugas Zending Islam di Indonesia.

#### **D. Terhadap Penghambatan Misi Kristianisasi**

##### **1. Melalui penyuluhan terhadap masyarakat dan pengkaderan bagi pemuda-pemudi Islam**

Masyarakat yang bijak dan memiliki mutu keimanan dan kekuatan iltizam peribadatan yang mantap, yang merupakan salah satu benteng yang kuat bagi

penghalang penyebaran gerakan Kristianisasi dan pemurtadan. Begitu juga pemuda dan pemudi yang terpelajar merupakan sasaran terpenting bagi Syeikh Muhammad Arsyad, karena mereka yang menjadi harapan di masa depan untuk meneruskan dakwah Islamiah di Medan Sumatera Utara.

Melalui madrasah-madrasah Al-Washliyah, Syeikh Muhammada Arsyad telah mendidik ustaz-ustaz muda untuk berdakwah ke pelosok Sumatera Utara, antaranya ialah H. Bahrum Jamil SH, H. Muhammad Yunus Karim, Drs. H. Usman Hamzah, Dumairi Ilyas dan lain-lain. Kemudian sebahagian mereka telah dikirim ke Timur Tengah (Mesir, Iraq, Syria ), seperti H. Abdul Majid Siraj, Syamsuddin Lubis, Abas Hamid, Abdul Khalid Muhammad. Setiap tahun madrasah Al-Washliyah mengutus pelajarnya untuk melanjutkan studi di negara-negara Arab.<sup>21</sup>

Khusus kepada murid yang telah menamatkan pelajaran ‘Aliyah, Syeikh Arsyad membuka kelas tambahan di rumah beliau, untuk memantapkan ilmu yang dipelajari di madrasah, begitu juga beliau memberikan ilmu tambahan yang sangat diperlukan oleh murid-murid, umpamanya ilmu debat, perbandingan agama dan ilmu tasawuf.

Dalam masa 40 puluh tahun mentarbiyah dan mendidik murid-murid beliau, Syeikh Muhammad Arsyad tidak pernah lupa menumbuhkan semangat jihad membela agama dan menanamkan keyakinan yang kuat bagi setiap pelajar bahwa Al-qur'an dan Sunnah merupakan dasar Islam yang abadi dan mutlak. Maka setiap ajaran yang menyalahinya wajib ditolak.

## **2. Dengan Menubuhkan Zending Islam Untuk Menyaangi Zending Kristian serta Misi Kristianisasi**

Zending juga disebut sebagai *zendeling* (dalam bahasa Belanda yang ertiannya pengutusan), yang bertujuan untuk menyebarkan misi agama Kristian Protestan melalui khabar tentang keselamatan.<sup>22</sup>

Kemasukan dan berkembangnya Zending Kristian<sup>23</sup> ke Sumatera Utara untuk menyebarkan Injil dalam kalangan masyarakat Batak, merupakan motivasi daripada Sir Thomas Stamford Raffles iaitu wakil kerajaan Inggeris di Sumatera.<sup>24</sup> Raffles cuba memisahkan Suku Batak daripada masyarakat Aceh yang majoriti beragama Islam yang berada di utara dan memisahkan Suku Batak daripada

masyarakat Minangkabau yang juga menganut Agama Islam yang berada di selatan dengan menjalankan politik *Devide and Rule*" (pecah dan perintah).

Kemudian, pada tahun 1840 M, seorang pakar antropologi, Franz W. Junghum (1804-1864 M) seorang warga Jerman diutus oleh pemerintah Belanda untuk membuat kajian dan penyelidikan di tanah Batak. Penyelidikan tersebut bertajuk" *Beschreibung der Battalander*" (Keadaan Tanah Batak). Hasil karya tersebut menarik minat misionaris Van Der Tuuk untuk mengkristiankan orang Batak pada tahun 1848M. Melalui pelbagai usaha yang dilakukan oleh para misionaris yang juga disokong oleh kekuasaan Kolonial Penjajah, maka berkembanglah misi Kristianisasi di Sumatera Utara, yang mana puncak kegembirangan gerakan tersebut di tanah Batak, dengan hadirnya Paderi Ludwig I Nomensen.<sup>25</sup> Sejak itu misi Kristianisasi di Sumatera Utara, terutamanya di tanah Batak dan Karo semakin tumbuh dan berkembang, serta pembaptisan dan pembinaan sekolah Kristian bertambah banyak. Terbukti pada tahun 1918M gereja telah membaptis lebih daripada 180,000 orang Batak, dan terbinanya sekolah-sekolah Kristian sebanyak 510 buah sekolah yang mempunyai 32,700 orang murid. Gereja pada masa itu dipimpin oleh 34 Paderi Batak serta dibantu oleh 788 orang guru Injil dan 2200 orang Sintua (ketua gereja kampung) serta terus bertambah sehingga mencapai 50,000 orang pada tahun 1934 M.

Setelah mengetahui realiti kehidupan, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis mengambil pengajaran daripada sejarah Kristianisasi tersebut. Beliau sedar betapa besarnya pengaruh gerakan Kristianisasi yang dilaksanakan oleh misionaris Kristian khususnya di Sumatera Utara, maka timbulah hasrat Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan kawan-kawan beliau dari organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* untuk berusaha mendirikan suatu badan persatuan khusus dalam bidang dakwah supaya dapat menyaingi gerakan Kristianisasi yang tersebar luas di Sumatera Utara.<sup>26</sup>

Badan persatuan dakwah tersebut dinamakan dengan Zending Islam yang ditubuhkan pada tahun 1933M.<sup>27</sup> Pentadbiran persatuan tersebut dipegang oleh Hj. Guru Kitab Sibarani, seorang mualaf saudara baru yang menjadi tokoh dan ulama *al-Jam'iyatul Washliyah*. Beliau dilantik menjadi Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* cawangan Porsea. Guru Kitab Sibarani aktif berdakwah di Tanah Batak

Toba, walaupun banyak menghadapi tantangan daripada ketua adat dan pemerintah Belanda.<sup>28</sup>

Antara tugas utama badan persatuan dakwah tersebut adalah menyampaikan dakwah Islamiah kepada orang yang belum beragama Islam terutamanya kepada masyarakat Batak. Hal ini sesuai dengan prinsip dasar *al-Jam'iyyatul Washliyah* pasal 4 ayat c yang menyatakan: “Menyampaikan seruan Islam kepada orang yang belum beragama Islam”.<sup>29</sup>

Dalam perkembangan Zending Islam ini, mereka mendirikan satu yayasan atau institusi pengajian yang diberi nama” Pendidikan Zending Islam” yang terletak di tengah-tengah Bandaraya Medan Sumatera Utara. Murid-murid yang akan menjadi pendakwah lepasan yayasan ini akan dihantar ke daerah-daerah Tanah Batak dan Karo. Jadi, pengajian ini diutamakan kepada putera puteri yang lebih layak menjadi pendakwah ke daerah-daerah tersebut, terutama anak-anak yang berasal daripada pelbagai kampung di Tanah Batak dan Karo. Selepas menamatkan pengajian, mereka yang telah menjadi kader dakwah akan kembali ke kampung mereka untuk melancarkan gerakan dakwah Islamiah kepada keluarga, kerabat, sanak saudara serta kepada masyarakat di kampung mereka pada umumnya.<sup>30</sup>

Tindakan penubuhan yayasan dan institusi dakwah ini sebagai tindakan susulan dan penerusan kepada gerakan-gerakan dakwah yang telah dilaksanakan oleh juru-juru dakwah yang terdahulu, untuk menyebarluaskan pengaruh Islam di Tanah Batak dan Karo, begitu juga untuk menangkis kemurtadan dan mencegah misi Kristianisasi di Tanah Batak dan Karo.

Badan persatuan dakwah Zending Islam, dalam perkembangannya sering mengadakan aktiviti-aktiviti dakwah di pelbagai daerah di Sumatera Utara khususnya di kawasan Tanah Batak dan Karo. Mereka senantiasa menjalankan aktiviti sosial dengan masyarakat setempat, sehingga terbinanya cawangan-cawangan Zending Islam di sana, yang ditubuhkan oleh penganut-penganut Islam baru (saudara baru) di Tanah Batak dan Karo. Oleh yang demikian terjadilah persaingan yang hebat di antara Zending Islam dan Zending Kristian di kawasan tersebut yang lebih memberikan motivasi umat Islam khususnya Zending Islam untuk lebih maju lagi dalam usaha menyebarluaskan dakwah Islam.

Yayasan Zending Islam ini merupakan amanah yang diberikan kepada generasi-generasi penyambung *al-Jam'iyyatul Washliyah*, demi untuk menyebarluaskan Islam khususnya di Medan Sumatera Utara dan umumnya di Indonesia. Berkat kesungguhan Yayasan Zending Islam dalam berdakwah menyebarluaskan Islam, yayasan ini pernah mendapat lawatan kehormat daripada tetamu luar negara, antaranya Syeikh Azhar, Abdurrahman Taj berserta rombongannya dari Mesir. Syeikh Abdurrahman Taj berkenan memberikan ceramah untuk membangkitkan semangat dalam berdakwah memperjuangkan agama Islam, sehingga dapat memberikan galakan kepada kaum Muslimin tempatan khususnya generasi-generasi pendakwah dari Yayasan Zending Islam Medan untuk terus berdakwah.<sup>31</sup>

### **3. Melalui Karangan Buku tentang Keunggulan Islam dan Kelemahan Ajaran Kristian**

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga berusaha dengan gigih untuk membendung derasnya arus Kristianisasi di Sumatera Utara khususnya di kawasan perkampungan tanah Batak dan Karo. Beliau telah memperlihatkan keunggulan-keunggulan ajaran Islam dan memaparkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam ajaran Kristian, seperti tidak sucinya Injil yang ada sekarang dan adanya penambahan dan pengurangan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin gereja. Begitu juga ayat-ayat dalam Injil tersebut bertentangan antara satu sama lain, terutama yang berkaitan dengan konsep ketuhanan, sebagaimana yang didedahkan oleh beliau dalam kitabnya yang bertajuk “Perbandingan antara Kristian dan Islam”. Kemudian, beliau memberikan kesimpulan: apabila kita mengkaji dan menyelidiki kitab Injil yang dianggap sebagai kitab yang suci itu, maka kita dapati banyak penyelewengan dan penyimpangan yang menyebabkan Injil tersebut tidak lagi suci sebagaimana asalnya yang di turunkan kepada Nabi Isa as yang penuh dengan kebenaran dan ditulis dengan tuntutan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT.<sup>32</sup>

Kepakaran beliau dalam bidang Kristologi terutama penguasaan beliau terhadap sejarah dan doktrin agama-agama khususnya Yahudi dan Kristian, beliau jadikan ia sebagai alat untuk berdakwah secara efektif dengan menulis buku yang berkaitan dengan kitab orang Kristian yang bertajuk” Rahsia Bible”. Buku ini

menjadi rujukan penting bagi juru dakwah organisasi Islam *al-Jam'iyyatul Washliyah* dalam penyebaran agama Islam di Porsea, Tapanuli Utara.

Selain itu, beliau juga menulis beberapa karya yang berkaitan dengan Kristian, seperti Keesaan Tuhan Menurut Kristian dan Islam, Berdialog dengan Kristian Advent dan Perbandingan Agama Islam dan Kristian. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menjelaskan melalui karyanya ini tentang hakikat agama Kristian dan doktrin-doktrinnya.

Banyak ilmuwan di Indonesia dan Malaysia mengakui keunggulan karya beliau tentang Perbandingan Agama Islam dan Kristian (Medan 1969M). Buku setebal 478 muka surat ini diterbitkan kembali oleh penerbit Firma Islamiah (Medan 1983 M). Cetakan terakhir buku ini di Malaysia adalah pada tahun 1982 M. Berdasarkan pandangan pakar perbandingan agama dari universiti Islam Antarabangsa Malaysia Dr. Kamariah Kamaruzzaman, beliau memuji kualiti karya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis. Dalam buku ini terdapat perbandingan beberapa ajaran penting yang ada dalam agama Islam dan Kristian, seperti asas ajaran Islam dan Kristian, dosa warisan, penebusan dosa, ketuhanan Jesus, mengenai kitab-kitab suci Taurat, Zabur, Injil dan al-Quran serta kenabian Nabi Muhammad dalam *Bible*.

#### **4. Dengan Sikap Toleransi Serta Mengajak Pemimpin Kristian Berbincang Tentang Kebenaran Agama**

Perkataan “toleransi” di dalam bahasa Melayu merujuk kepada sikap sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza daripada pendirian sendiri.<sup>33</sup> Perkataan ini di dalam bahasa Arab dinamakan *tasamuh*. Ia berasal dari *tasamaha*, *yatasamahu*, *tasamuhan*. Ungkapan: *at-tasamuh al-Dini* bermaksud: *ihtiram aqaid al-akharin*, yang bererti menghormati pegangan orang lain.<sup>34</sup>

Dari konsep ini lahir pelbagai sifat, sikap positif dan kebaikan. Antaranya persaudaraan, sikap saling menghargai, kedamaian, keselamatan dan kemaslahatan. Secara tidak langsung, ia boleh menghindari sikap negatif, pertentangan, pertengkar, rasa dendam, dengki dan kebencian. Selaras dengan itu, dapat disimpulkan bahawa toleransi ialah sikap bertolak ansur dan berlapang dada dalam menerima realiti kemajmukan etnik, budaya dan agama sebagai *sunnatullah*. Islam mengiktiraf konsep ini, membenarkan, menghormati, serta

menjamin sepenuhnya hak-hak asasi manusia berdasarkan tuntutan dan batasan yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah.<sup>35</sup>

Antara usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarluaskan agama Islam di tanah Batak ialah mengutamakan sikap toleransi antara umat beragama dan mengajak pemimpin-pemimpin agama Kristian untuk berbincang tentang kebenaran agama yang mereka yakini. Perkara ini telah disampaikan oleh beliau dalam ceramahnya sempena sambutan ulang tahun *al-Jam'iyyatul Washliyah* di Bandar Medan. Beliau menyebutkan: "Hendaklah kita memperbaiki dan memperkuat hubungan persaudaraan umat Islam (*ukhuwah Islamiah*) dalam dan luar negara, berbuat baik dan berlaku adil terhadap sesama manusia dan menyampaikan seruan Islam kepada orang yang belum beragama Islam".

Berdasarkan ungkapan beliau, dapat difahami bahwasanya beliau mempunyai toleransi yang tinggi antara sesama umat beragama, sebagaimana yang disampaikan oleh beliau dalam menyebarluaskan agama Islam tidak ditujukan kepada orang yang sudah beragama. Dalam kata lain, dapat kita fahami bahawa tidak ada keharusan bagi umat Islam untuk memaksa suatu agama kepada orang lain, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud tidak ada paksaan dalam beragama.

Umat Islam juga dituntut untuk saling menghormati keyakinan yang dipercayai penganut agama lain, Islam juga tidak melarang para penganutnya untuk senantiasa berbuat baik kepada orang lain terutamanya terhadap orang yang tidak seakidah dengan kita, sebagai dakwah umat Islam kepada non-Muslim sehingga mereka dapat merasakan keadilan dan kedamaian Islam.

## **5. Melalui Dialog Serta Debat Antara Agama**

Menurut etimologi, perkataan dialog (dialogue) berasal daripada gabungan perkataan Greek iaitu *dia* yang bermaksud melalui dan *logos* iaitu perkataan. Sedangkan menurut terminologi perkataan dialog membawa maksud perbincangan antara dua pihak atau lebih dengan mengadakan pertemuan, komunikasi, persepakatan dan persefahaman secara kolektif.<sup>36</sup>

Sesuai dengan keadaan masanya, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga melakukan pelbagai perdebatan dengan tokoh-tokoh Kristian di Medan,

seperti Pendeta Rivai Burhanuddin (Pendeta Kristian Advent), Van den Hurk (Kepala Gereja Katolik Sumatera Utara) dan Dr. Sri Hardono (tokoh Kristian Katolik). Berkat penguasaan beliau akan ilmu pengetahuan yang luas, beliau mudah menguasai lawan debatnya dan hasilnya selalu diterbitkan dalam bentuk buku.<sup>37</sup>

Debat tersebut dihadiri oleh para tokoh agama Islam dan Kristian serta masyarakat umum, yang mana dialog tersebut merupakan suatu usaha dakwah beliau untuk mengajak umat ke dalam agama yang benar. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT :

وَجَادُلُهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: *Dan berbahaslah( berdebatlah) Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik.* Surah an-Nahl (16): 125.

Melalui debat tersebut, dapat mendidik masyarakat dan khalayak ramai akan betapa pentingnya untuk mewujudkan kesedaran dalam beragama dan tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.

Beliau berdakwah kepada orang Kristian penuh dengan hikmah, pengajaran serta contoh yang baik dan berdebat dengan mereka dengan cara yang terbaik untuk menyatakan kebenaran bukan untuk mengalahkan dan memalukan lawannya. Hal ini sesuai dengan apa yang di perintahkan oleh Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 125 tersebut.

Ketika berbahas, beliau lebih mengutamakan untuk menyatakan kebenaran kepada orang Kristian dengan mengadakan debat secara terbuka dengan mereka yang disaksikan oleh khalayak ramai dan paderi-paderi Kristian. Oleh yang demikian banyaklah yang sedar akan kebenaran dan menganut kebenaran tersebut sehingga ribuan di antara mereka menganut agama Islam dengan hidayah daripada Allah Yang Maha Kuasa.

## Penutup

Berdasarkan kajian di atas, jelaslah bahawa Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis ialah sebagai seorang dai yang banyak memberikan sumbangan terhadap perkembangan dakwah Islam di Medan Sumatera Utara khususnya terhadap suku Batak dan Karo yang belum beragama (animisme) dan yang

beragama Kristian akibat daripada pengaruh misi Kristianisasi penjajahan Belanda. Beliau bukan sahaja berjaya menggarap gagasan dakwah yang bertamadun tetapi beliau juga kerap kali mengadakan debat dan dialog antara agama dengan tokoh-tokoh agama Kristian, yang bertujuan untuk menyatakan kebenaran. Berdasarkan keilmuannya yang mendalam, Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dapat melemahkan hujahan lawan debat beliau, sehingga beliau lebih dikenali sebagai seorang Kristolog besar dan berkarisma dari Sumatera Utara. Inilah bentuk ketokohan beliau dalam dakwah, beliau mampu menyebarluaskan agama Islam dan mengharumkan nama Islam.

### Catatan

<sup>1</sup> Tentang tarikh kelahiran Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis belum di ketahui secara pasti, adapun tempat kelahirannya tidak diragukan lagi. Bahrum Jamil (1977), *Lintasan Sejarah Perjuangan Ulama-Ulama Islam Mencapai Kemerdekaan Tanah Air Indonesia di Sumatera Utara*, Medan. h. 32-33.

<sup>2</sup> Kata Lebai berasal dari bahasa Melayu Deli, ertinya orang yang menyerahkan diri kepada Allah SWT, adapun bahasa asalnya dari bahasa Arab ialah *Labbaik*, ertinya datang memenuhi panggilan Allah. Gelaran Lebai diberikan oleh masyarakat Melayu kepada orang yang alim, pandai membaca doa dalam Majlis kenduri, mengetahui dan patuh kepada ajaran Islam. Husni Muhammadlah (1975), *Lintasan Sejarah Peradaban dan Budaya Penduduk Melayu Pesisir Deli, Sumatera Timur*, Medan: Balai Pustaka Husni. h. 61. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1998), c. 1, J. 3, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1337.

<sup>3</sup> Chalidjah Hasanuddin, *Al-jam'iyyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Ed. 1. Bandung: Pustaka, 1988. h. 55.

<sup>4</sup> *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara* . (1982), *op. cit.*, h. 289. Chalidjah Hasanuddin (1988), *Al-Jam'iyyatul Washliyah Api Dalam Sekam*. Bandung: Pustaka. h. 54.

<sup>5</sup> *Al-Jam'iyyatul Washliyah* adalah sebuah organisasi Islam yang ditubuhkan pada 30 November 1930M di Bandar Medan, atas inisiatif sekelompok pemuda yang belajar di Maktab Islamiah Tapanuli di Medan. Pelajar-pelajar ini tergabung dalam kelompok diskusi *Debating Club* di bawah pimpinan Abdurrahman Syihab, kemudian grup diskusi ini sepakat untuk mendirikan satu organisasi yang diberi nama” *al-Jam'iyyatul Washliyah* yang ditubuhkan oleh : H. Abd. Rahman Syihab, H. Ismail Mhd Banda, H. Muhammad Arsyad Thalib Lubis. Nama *al-Jam'iyyatul Washliyah* diberikan oleh seorang tuan guru di Maktab Islam Tapanuli (MIT) Medan yang bernama: Syaikh H. M. Yunus, yang bererti perkumpulan yang menghubungkan atau mempertalikan kasih sayang antara seseorang dengan Tuhananya, dengan sesamanya dan dengan alam lingkungannya. *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah. h. 36-38. Seminar yang disampaikan oleh Drs. Hj Nizar Syarif, sebagai Ketua *al-Jam'iyyatul Washliyah* Sumatera Utara (Medan) dalam rangka studi banding Pengurus Besar *al-Washliyah*, diadakan di Universiti Malaya pada hari Khamis 15 Februari 2007M, bilik Dewan Ilmu.

<sup>6</sup> Aceh merupakan sebuah provinsi daerah istimewa di ujung utara Sumatera Indonesia. Ibu negeri Aceh ialah Banda Aceh yang dahulunya dikenali sebagai Kutaradja. *Ensiklopedi Indonesia* (1980), J. 1, Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve. h. 68. *Ensiklopedia Malaysiana* (1995), J. 1. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd. h. 107-111.

---

<sup>7</sup> Deli Serdang ialah Kabupaten di Provinsi Sumatera Utara, terletak di pantai timur Pulau Sumatera. secara fizik Medan berada dalam lingkungan Kabupaten Deli Serdang. Bandaraya Deli Serdang berada di Lubuk Pakam. *Ensiklopedi Indonesia* (1980), J. 2, Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve. h. 780.

<sup>8</sup> Mabar adalah salah satu daerah atau sebuah kecamatan (distrik) di Kabupaten Marelan Bandaraya Medan, Provinsi Sumatera Utara.

<sup>9</sup> Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara (1982), *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara. h. 294.

<sup>10</sup> Hasballah Thaib (2012), *Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental*. C. 1. Medan: Perdana Publishing. h. 105-107.

<sup>11</sup> Hasballah Thaib (2012), *Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental*. C. 1. Medan: Perdana Publishing. h. 22-23.

<sup>12</sup> tiga serangkai pendiri *al-Jam'iyyatul Washliyah* ialah:

1. Abdul Rahman Syihab. Abd. Rahman Syihab dilahirkan di kampung Paku Galang Deli Serdang pada tahun 1910 M, Ayah beliau bernama Hj. Syihabuddin berkhidmat sebagai Kadi hakim di kerajaan Deli Serdang dan Ibunya bernama Tupin binti Lebai Karim. Kedua orang tuanya berasal dari bandar Nopan. Beliau adalah anak ketiga dari pada tujuh orang bersaudara, beliau menikah dengan Norma, kemudian dikurniai tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan, kesemua anak beliau bekerja di pejabat kerajaan. Pada tahun 1918 sampai 1922M, beliau mengikuti kursus di Vervolgschool (sekolah rendah umum) bertempat di simpang tiga perbaungan. Kemudian beliau belajar pendidikan agama Islam di salah satu *madrasah Sairussulaiman* di tempat yang sama (Simpang tiga Perbaungan), sesudah tamat dari madrasah dan sekolah tersebut, beliau langsung melanjutkan pelajarannya ke Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) di Medan, lembaga pendidikan tersebut ketika itu guru besarnya adalah Syeikh Hj. Muhammad Yunus (1889 M-1950M). Abdurrahman Syihab adalah seorang tokoh yang aktif berdakwah dan mengajar, beliau juga aktif berorganisasi bagi membina masyarakat. Pada tahun 1930M sampai 1932M, beliau di angkat sebagai Naib Ketua Umum (Presiden) Pengurus Besar (PB) *Al-Jam'iyyatul Washliyah* pada tahun 1932M. meninggal dunia pada tanggal 7 Februari 1955M, tepat pada hari Isnin dalam usia 45 tahun. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, h. 40-44.

2. Arsyad Thalib Lubis (1908 M-1972 M) adalah seorang ulama pejuang yang banyak menghabiskan waktunya di dunia pendidikan, dakwah dan sosial. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, h. 44-49.

3. Hj. Ismail Banda lahir sekitar tahun 1910M, putera pasangan Banda Lubis dengan Hajah Sariani Amiriah. Beliau diasuh dan dididik di tengah-tengah keluarga yang taat beragama dan disiplin. Selesai mendapatkan pelajaran pertama dalam Islam, beliau masuk sekolah Menengah Islamiah Tapanuli di Medan Sumatera Utara selama lima tahun. Kemudian meneruskan pelajarannya ke Universiti al-Azhar di Mesir dengan bantuan orang tua dan *al-Washliyah*. Di al-Azhar beliau memperlihatkan dirinya sebagai anak Indonesia yang cerdas dan kreatif. Pada tahun 1930M beliau berhasil meraih gelar *AHLIYYAH* pada sekolah Tinggi Islam tersebut dan mendapat ijazah ulama pada tahun 1930. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, h. 35-40.

<sup>13</sup> Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) yang didirikan pada 19 Mei 1918M di Medan, Sumatera Utara merupakan sebuah madrasah kecil saksi bisu lahirnya *al-Washliyah*. Madrasah ini tidak bisa dipisahkan dari sejarah penubuhan *al-Washliyah*. Kerana di tempat inilah *al-Washliyah* pertama kali dirasmikan yang dipelopori oleh para pelajar sekolah tersebut. Pada tahun 1930M, MIT

Medan merupakan satu-satunya sekolah Islam yang ada di kota Medan, maka tidak hairan jika madrasah ini mendapat perhatian yang cukup besar dari para penuntut ilmu sekitar kota Medan, bahkan dari pelosok Indonesia dan Malaysia. Madrasah MIT Medan terletak jauh dari pusat keramaian dan hiruk pikuk kota Medan, Madrasah ini tepat berada di pinggir sungai Deli. Sungai Deli merupakan sungai yang membelah kota Medan. Madrasah sederhana ini dikelilingi oleh pelbagai pokok yang hijau dan cukup sejuk serta jauh dari kebisingan suara kendaraan. Dengan kondisi tersebut maka para pelajar sangat nyaman dalam menimba ilmu di maktab ini. Para guru yang mengajar di maktab tersebut di antaranya adalah:

1. Syeikh Hj. Ja'far Hassan. Beliau dilahirkan di kampung Roburan Mandailing pada tahun 1880 Masihi anak dari Syeikh Hasan Tanjung. Semasa kecil beliau hanya belajar agama pada orang tuanya dan setelah meningkat dewasa beliau merantau ke tanah Deli. Pada tahun 1940 Masihi beliau diutus oleh pak cik nya ke Mekah guna melanjutkan pelajarannya pada ulama-ulama di masa itu di Masjid Haram. *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 111.
2. Syeikh Hj. Muhammad Yunus. Beliau lahir tahun 1889M di kampung percukaian Binjai Kabupaten Langkat. Orang tuanya Hj. Mohd Arsyad berasal dari Tanjung Medan. Beliau belajar di kampungnya sendiri dan di Besilam Langkat, kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Dorga Kedah dengan Syeikh Mohd Idris Petani, dari kedah terus ke Mekah. Beliaulah yang memberi nama organisasi Islam ini dengan nama al-Jam'iyyatul Washliyah yang ditubuhkan pada 30 November 1930M. M. Nurdin Amin (2008), *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, h. 32-35. *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara* (1983), *op. cit.*, h. 177.

<sup>14</sup> Debating Club merupakan wadah untuk mendiskusikan pelajaran mahupun persoalan-persoalan sosial keagamaan yang sedang berkembang di tengah masyarakat, kelompok diskusi ini ditubuhkan pada 1928M, yang ditubuhkan oleh alumni (*eks student*) dan murid-murid senior Madrasah Islamiah Tapanuli. Perkumpulan pelajar ini dipimpin oleh Abdul Rahman Syihab yang merupakan salah seorang pengasas al-Jam'iyyatul Washliyah. *Peringatan Al-Djamijatul Washliah 1/4 abad* (1955), *op. Cit.*, h. 36.

<sup>15</sup> Hasan Asari (2008), *Al-Jam'yatul Washliyah Sejarah Sosio-Religius dan Intelektual Periode Awal, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, h. 5.

<sup>16</sup>Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah atau lebih sering disingkatkan Ahlul-Sunnah atau Sunni. Ahlussunnah Wa al-jama'ah salah satu aliran teologi dalam Islam yang timbul kerana reaksi terhadap faham golongan Muktazilah, merupakan nama bagi aliran Asy'ariyah dan Maturidiah, yang di anut oleh Imam Malik, Imam Syafii, Imam Ahmad bin Hambal serta Imam Abu Hanifah. Ahlussunnah Wa al-jama'ah, mereka sentiasa tegak di atas Islam berdasarkan al-Quran dan hadis yang sahih dengan pemahaman para sahabat, tabiin, dan tabi'ut tabiin. *Ensiklopedi Hukum Islam* (1999), Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve. h. 50-51.

<sup>17</sup> Mazhab Syafii atau Syafi'iah adalah mazhab fikah yang didirikan oleh Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafii atau juga dikenali sebagai Imam Syafii. Hidupnya dilalui di Bagdad, Madinah, dan terakhir di Mesir. Selain berdasarkan pada Al-Quran, sunah dan ijma', Imam Syafii juga berpegang pada kias. Ia disebut-sebut sebagai orang pertama yang membukukan ilmu usul fikah, dengan karyanya *ar-risalah*. Mazhab Syafii banyak dianuti di pedesaan Mesir, Palestina, Suriah, Libanon, Irak, Hedzjaz, India, Yaman, Indonesia, Semenanjung Malaysia. *Ensiklopedi Islam* (1999), Cetakan Ketiga, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve. h. 216.

<sup>18</sup> Ramli Abdul Wahab (2008), *Al-Jam'yatul Washliyah: Studi Tentang Mazhab Akidah dan Fikah, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, h. 19.

<sup>19</sup> *Peringatan Al-Djamijatul Washliah 1/4 abad* (1955), Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washliah. h. 19.

---

<sup>20</sup> Majlis Islam A'la Indonesia merupakan suatu perkumpulan dari organisasi-organisasi Islam yang didirikan pada tarikh 21 September 1937M di Surabaya. Majlis ini didirikan berkat kesedaran para tokoh organisasi-organisasi Islam ke arah persatuan setelah menyedari bahawa perbezaan pendapat dan pertentangan di kalangan mereka sebelum tahun 1937M, hanyalah menyangkut masalah furuk (cabang). Pengasas organisasi ini adalah K. H. Mas Mansur dari Muhammadiyah, K. H. Muhammad Dahlan serta K. H. Abdul Wahab Hasbullah dari Nahdlatul Ulama, dan W. Wandoamiseno dari Serekat Islam. Pada tahun 1941M, organisasi ini telah menjadi 21 organisasi Islam yang tergabung ke dalamnya, termasuklah organisasi Islam *al-Jam'iyyatul Washliyah*. *Ensiklopedi Islam* (1999), c. 5, J. 3. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve. h. 118.

<sup>21</sup> Nukman Sulaiman (1995), *Al-Washliyah Seperempat Abad*. Medan: Pengurus Besar Al-Washliyah. h. 301.

<sup>22</sup> *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003), c. 1. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. h. 1801.

<sup>23</sup> Zending Kristian (Misionaris Kristian) ialah misi dan usaha penyebaran agama Kristian kepada umat Islam dan orang yang belum beragama Islam. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003), c. 1. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. h. 3046.

<sup>24</sup> Thomas Stamford Raffles (1781-1826M) dilahirkan di Jamaika, 6 Julai 1781 – meninggal di London, Inggeris, 5 Julai 1826M, pada umur 44 tahun. Beliau seorang Gabenor Jenderal Hindia Belanda yang terbesar. Ia berwarganegara Inggeris. Pederson Paul, *Jiwa Batak dan Darah Protestant*, Maria Sijabat, WB sijabat (terj.), Jakarta: Balai Pustaka Gunung Mulia, h. 45-46.

<sup>25</sup> Nommensen, Ludwig Ingwer (Nordstrand, Slesswijk, 6 Feb 1834M – Sigumpar, Sumatera Utara, 23 Mei 1918M). Misionaris Jerman, perintis dakwah Kristian dengan nama tambahan “rasul orang Batak”. Pada tahun 1862M dikirim oleh Rheinische Mission sgesellschaft ke daerah Batak di Sumatera Utara. Karya dakwahnya berjaya kerana tindakannya yang berani dalam keadaan-keadaan tersulit, kemampuannya menyesuaikan diri dan keteguhan semangatnya, sehingga saat ini sebahagian besar orang Batak di daerah Toba masih menjadi orang Kristian. Pada tahun 1904M ia memperoleh doktor honoris kausa dari Universiti Bonn. *Ensiklopedi Indonesia* (1983), J. 4, Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve. h. 2399.

<sup>26</sup> Chalidjah Hasanuddin, *Al-jam'iyyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Ed. 1. Bandung: Pustaka, 1988. h. 140.

<sup>27</sup> Zending Islam ialah misi agama Islam untuk menyebarluaskan Islam kepada orang-orang yang belum beragama Islam. *Peringatan Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), op.cit., h. 317.

<sup>28</sup> Chalidjah Hasanuddin (1988), *op. cit.*, h. 150.

<sup>29</sup> *Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga al-Jam'iyyatul Washliyah* (1955), Medan Pengurus Besar al-Jam'iyyatul Washliyah, h.1.

<sup>30</sup> *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad* (1955), *op. cit.*, h. 322.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 322-323.

<sup>32</sup> Syeikh M. Arsyad Thalib Lubis (1982), *Perbandingan Agama Kristian dan Islam*, Kuala Lumpur: Melayu Baru. h. 375.

<sup>33</sup> *Kamus Dewan* ( 2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1463.

<sup>34</sup> Al-Munjid fi al-Luqha wa al-Adab wa al-Ulum (1956), c. 17. Bairut: Matba'ah al-Katolikiah. h. 349.

<sup>35</sup> Wan Suhaimi Wan Abdullah, Mohd Fauzi Hamat (2007), *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM. h. 116.

---

<sup>36</sup> Ahmad Sunawari Long (2003), *Dialog Antara Agama-agama Pra-syarat Persefahaman Antara Agama-agama*. Bangi: UKM Fakulti Pengajian Islam, h. 64.

<sup>37</sup> Debat Islam-Kristian Tentang Kitab Suci (2002), *Perdebatan Antara al-Ustadz H. M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristian. Sri Hardono*, c. 2, Medan: Majlis Dakwah Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah, h. 27.

### Bibliografi

Ahmad Sunawari Long, *Dialog Antara Agama-agama Pra-syarat Persefahaman Antara Agama-agama*. Bangi: UKM Fakulti Pengajian Islam, 2003.

*Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad*, Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955.

*Al-Munjid fi al-Luqha wa al-Adab wa al-Ulum*, c. 17. Beirut: Matba'ah al-Katolikiah, 1956.

*Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga al-Jam'iyatul Washliyah*, Medan Pengurus Besar al-Jam'iyatul Washliyah, 1955.

Bahrum Jamil, *Lintasan Sejarah Perjuangan Ulama-Ulama Islam Mencapai Kemerdekaan Tanah Air Indonesia di Sumatera Utara*, Medan, 1977.

Chalidjah Hasanuddin, *Al-jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Ed. 1. Bandung: Pustaka, 1988.

Debat Islam-Kristian Tentang Kitab Suci, *Perdebatan Antara al-Ustadz H. M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristian. Sri Hardono*, c. 2, Medan: Majlis Dakwah Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah, 2002.

*Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999.

*Ensiklopedi Indonesia*, J. 2, Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1980.

*Ensiklopedi Indonesia*, J. 4, Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1983.

*Ensiklopedi Islam*, c. 5, J. 3. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999.

*Ensiklopedia Malaysiana*, J. 1. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd, 1995.

*Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1998), c. 1, J. 3, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Hasan Asari, *Al-Jam'iyatul Washliyah Sejarah Sosio-Religius dan Intelektual Periode Awal, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, 2008.

---

Hasballah Thaib (2012), *Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental*. C. 1. Medan: Perdana Publishing, 2012.

Husni Muhammadlah , *Lintasan Sejarah Peradaban dan Budaya Penduduk Melayu Pesisir Deli, Sumatera Timur*, Medan: Balai Pustaka Husni, 1975.

*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, c. 1. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003.

*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

M. Nurdin Amin, *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangan Bangsa, PeranModerasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, 2008.

Majelis Ulama Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 1982.

Nukman Sulaiman, *Al-Washliyah Seperempat Abad*. Medan: Pengurus Besar Al-Washliayah, 1995.

Pederson Paul, *Jiwa Batak dan Darah Protestant*, Maria Sijabat, WB sijabat (terj.), Jakarta: Balai Pustaka Gunung Mulia.

Ramli Abdul Wahab, *Al-Jam'iyatul Washliyah: Studi Tentang Mazhab Akidah dan Fikah , Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, 2008.

Seminar yang disampaikan oleh Drs. Hj Nizar Syarif, sebagai Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara (Medan) dalam rangka studi banding Pengurus Besar *al-Washliyah*, diadakan di Universiti Malaya pada hari Khamis 15 Februari 2007M, bilik Dewan Ilmu.

Syekh M. Arsyad Thalib Lubis, *Perbandingan Agama Kristian dan Islam*, Kuala Lumpur: Melayu Baru, 1982.

Wan Suhaimi Wan Abdullah, Mohd Fauzi Hamat, *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM, 2007.